



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

No. Pendaftaran : (4981)

No. 12A , Jalan TTDI Groves 1/2, Taman TTDI Grove, 43000 Kajang , Selangor

No. Te l: 03 8733 2705 / 2597 No. Faks : 03 8733 0427 Email : admin@koopbpm.com.my

No Fail: KoBPM/PEM (3) 2021 (2)

Tarikh: 01/12/2021

Semua Anggota

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

ATURAN PEMBIAYAAN PERIBADI BIASA

Perkara di atas dengan hormatnya dirujuk.

Dimaklumkan bahawa pihak KoBPM telah membuat pindaan untuk Aturan Pembiayaan Peribadi Biasa di mana ianya telah dibentangkan dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Kali Ke 25 pada 30 Oktober 2021. Maka dengan ini Aturan Pembiayaan Peribadi Biasa yang sebelum ini dimansuhkan.

Aturan Pembiayaan Peribadi Biasa dengan pindaan ini digunapakai dan berkuatkuasa serta-merta. Sebarang pertanyaan sila hubungi Pegawai Unit Pembiayaan untuk maklumat selanjutnya.

Perhatian dan kerjasama semua Anggota KoBPM dialu-alukan.

Sekian, Terima Kasih.

"SEPAKAT MENINGKAT KESEJAHTERAAN BERSAMA"

Yang Benar,

Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad

(ZULKIFLI MAHMOOD)
Pengurus Besar KoBPM



KOPERASI BANK PERTANIAN MALAYSIA (KoBPM) BERHAD

ATURAN PEMBIAYAAN PERIBADI – BIASA

SEKSYEN 1 PENDAHULUAN

1.0 TAJUK

- 1.1 Aturan ini adalah dinamakan Aturan Pembiayaan Peribadi Biasa kepada Anggota untuk tujuan peribadi bagi Anggota yang berkelayakan dan memerlukan wang tunai.
- 1.2 Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-Undang Kecil 9(a)(i), (b), 50(2)(iv) dan 50(v) KoBPM dan dikuatkuasakan selepas kelulusan Mesyuarat Agung Koperasi ini dan Ketua Pendaftar.
- 1.3 Aturan ini meliputi semua aktiviti permohonan Pembiayaan Peribadi Biasa bermula daripada penerimaan borang pembiayaan sehingga pembiayaan di jelaskan sepenuhnya.

2.0 TAFSIRAN

- 2.1 Di dalam peraturan ini melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan berlainan maknanya maka tafsiran berikut adalah dipakai.
- 2.2 'Bai AL-Inah' maknanya sebuah skim pembiayaan peribadi/khas yang disediakan kepada Anggota KoBPM bagi memenuhi sesuatu keperluan kepada Anggota.
- 2.3 'Anggota' maknanya Anggota-Anggota yang telah sah diterima masuk menjadi Anggota mengikut Undang-undang Kecil Koperasi ini dan tidak pernah mungkir daripada mencarum kepada bayaran bulanan yurannya kecuali Anggota Seumur Hidup.
- 2.4 'KoBPM' maknanya Koperasi Bank Pertanian Malaysia (KoBPM) Berhad.
- 2.5 'ALK' maknanya Anggota Lembaga Koperasi yang dilantik di bawah Undang-Undang Kecil Koperasi ini.

- 2.6 'Anggota Seumur Hidup' adalah Anggota KoBPM yang telah diluluskan oleh ALK untuk menjadi Anggota ini dengan mengekalkan baki minima yuran sebanyak RM3,000.00 dan syer wajib KoBPM sebanyak RM2,000.00 serta mematuhi terma dan syarat-syarat khas sebagai Anggota Seumur Hidup.
- 2.7 'Kelayakan penjamin' adalah Anggota yang masih layak menjamin setelah mengambil kira tanggungannya.
- 2.8 'Arahan bayaran' adalah kaedah yang digunakan untuk mengkreditkan pembiayaan ke dalam akaun penerima biaya sama ada menggunakan sistem, borang pemindahan, Arahan Patriot atau lain-lain kaedah yang sesuai.
- 2.9 'Ibra'' merujuk kepada rebat yang diberikan oleh KoBPM kepada penerima biaya yang melunaskan pembiayaan lebih awal dari tarikh matang.
- 2.10 'Ta'widh' adalah ganti rugi yang dikenakan ke atas kerugian sebenar yang dialami oleh KoBPM kesan kelewatan pembayaran pembiayaan atau kemungkiran oleh penerima biaya.
- 2.11 'Anak/menantu' adalah anak tanggungan, anak tiri tanggungan, anak angkat de facto, anak angkat, anak pelihara dan pasangan kepada anak berdasarkan dokumen yang didaftar dan diiktiraf.
- 2.12 'DSR' adalah 'Debt Service Ratio' iaitu kemampuan menanggung semua obligasi kehutangan selepas ditolak perbelanjaan statutori seperti cukai pendapatan, caruman KWSP, caruman PERKESO dan lain-lain.
- 2.13 'Jaminan' adalah suatu akujanji daripada penerima biaya yang dibuat untuk membayar atau menanggung obligasi bayaran balik pembiayaan oleh pihak penerima biaya sekiranya penerima biaya itu gagal atau enggan membayar balik pembiayaan yang diterimanya kepada pihak yang memberi pembiayaan dalam hal ini adalah KoBPM.
- 2.14 'Cagaran' adalah aset atau harta tetap yang berharga yang ditawarkan oleh individu atau entiti kepada pemberi pembiayaan sebagai jaminan pembiayaan.
- 2.15 'JPPA' adalah Jawatankuasa Pembiayaan dan Perkhidmatan Anggota iaitu jawatankuasa yang bertanggungjawab mengendalikan urusan permohonan, kelulusan dan semua pelaksanaan aktiviti berikutan pembiayaan Anggota dan juga keanggotaan KoBPM.

3.0 TUJUAN DAN PUNCA KEWANGAN

Tujuan Pembiayaan Peribadi Biasa ini diwujudkan adalah untuk:


- 3.1 Mengurus segala aktiviti yang berkaitan dengan Pembiayaan Peribadi Biasa mengikut lunas Islam berdasarkan Prinsip Bai Al'Inah.
- 3.2 Membantu Anggota yang memerlukan wang tunai untuk tujuan peribadi.
- 3.3 Meningkatkan aktiviti kredit KoBPM dengan memberi Pembiayaan Peribadi Biasa di bawah konsep Bai Al'Inah.
- 3.4 Punca Kewangan bagi menjalankan aktiviti ini adalah dari modal yuran Anggota dan punca-punca lain yang diharuskan oleh syarak dan tertakluk kepada kelulusan ALK.

SEKSYEN 2 KONSEP


4.0 KONSEP

- 4.1 Pembiayaan Peribadi Biasa adalah satu kaedah khusus untuk membolehkan pelanggan membeli sesuatu barang dari penjual pada harga kos campur keuntungan dan menanggung bayaran (installment payment) dan jual balik barang tersebut kepada penjual pada harga kos untuk mendapat tunai.
- 4.2 Dalam konteks KoBPM, Pembiayaan Bai Al'Inah boleh dibuat secara Anggota membeli aset kepunyaan koperasi dan kemudian koperasi membeli balik aset tersebut.
- 4.3 Kaedah operasi Pembiayaan Peribadi Biasa adalah seperti dibawah:-
 - 4.3.1 Anggota memohon pembiayaan dari KoBPM.
 - 4.3.2 Pihak KoBPM menjual aset KoBPM kepada Anggota pada harga kos + keuntungan secara kredit.
 - 4.3.3 Anggota bayar balik kos + keuntungan secara ansuran
 - 4.3.4 Anggota menjual balik aset tersebut kepada KoBPM pada harga kos sahaja.
 - 4.3.5 KoBPM bayar kepada Anggota secara tunai.

PERJANJIAN PERTAMA



PERJANJIAN KEDUA



SEKSYEN 3 POLISI

5.0 KELAYAKAN

Terbuka kepada Anggota yang telah memenuhi syarat berikut ;

- 5.1 Menjadi Anggota tidak kurang dari 6 bulan bagi Anggota baru dan Anggota yang berhenti tetapi diterima menjadi Anggota semula.
- 5.2 Telah menyempurnakan bayaran modal syer RM2,000 dan modal yuran RM1,000.
- 5.3 Kelayakan adalah tidak melebihi dari 55% DSR berdasarkan kerangka yang telah dikemukakan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- 5.4 Bagi permohonan pembiayaan bertindih/'overlapping' hanya penerima biaya yang telah menjelaskan bayaran 1/3 daripada jumlah pembiayaan asal akan dipertimbangkan.
- 5.5 Bagi Anggota yang memohon pembiayaan yang bercagarkan yuran jumlah yang layak dipertimbangkan adalah pada had maksimum 80% sahaja daripada yuran terkumpul pada tarikh permohonan pembiayaan dibuat.
- 5.6 Anggota bersetuju menaikkan potongan modal yuran berdasarkan jumlah pembiayaan yang dipohon.

Bil	Jumlah Pembiayaan (RM)	Jumlah Modal Yuran
1	1,000 - 10,000	50.00
2	10,001 – 20,000	100.00
3	20,001 – 30,000	130.00
4	30,001 – 40,000	160.00
5	40,001 – 50,000	200.00

- 5.7 Had umur yang dibenarkan untuk penerima biaya adalah sehingga 80 tahun pada tarikh kematangan pembiayaan.
- 5.8 Kelayakan permohonan Anggota adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan kelulusan ALK.

6.0 HAD PEMBIAYAAN

- 6.1 Bagi pemohon yang Keanggotaanya 3 tahun ke atas maksimum kelayakan adalah sebanyak RM50,000. Pembiayaan melebihi RM25,000 kelulusan adalah tertakluk kepada nisbah yuran terkumpul dengan jumlah pembiayaan pada kadar 1:4.

- 6.2 Bagi pemohon yang keanggotaannya 3 tahun dan kebawah maksimum kelayakan adalah sebanyak RM10,000.
- 6.3 Bagi Anggota yang mantan kakitangan Agrobank dan KoBPM (bersara/berhenti), kelayakan adalah sama sepertimana Anggota 6.1 dan 6.2 kecuali bagi Anggota yang berumur melebihi 80 tahun pada tempoh pembiayaannya matang, kelayakan permohonan pembiayaan boleh dipertimbangkan.
- 6.4 Had pembiayaan bergantung kepada perubahan dari masa ke semasa tertakluk kepada kelulusan ALK.

7.0 TEMPOH PEMBIAYAAN

TARAF ANGGOTA	TEMPOH PEMBIAYAAN MAKSIMUM
Anggota 3 tahun dan keatas	10 tahun
Bawah 3 tahun	5 tahun

Tempoh pembiayaan bergantung kepada perubahan dari semasa ke semasa tertakluk kepada kelulusan ALK.

8.0 KADAR KEUNTUNGAN

- 8.1 Kadar keuntungan adalah sebanyak 5.75% setahun atas baki asal.
- 8.2 Kadar keuntungan Pembiayaan Peribadi Biasa adalah sebanyak 5.00% setahun atas baki asal sekiranya bercagar yuran dan saham (kecuali saham wajib).
- 8.3 Kadar keuntungan Pembiayaan Peribadi Biasa adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan kelulusan ALK.

9.0 BAYARAN PERKHIDMATAN

- 9.1 Bayaran perkhidmatan untuk setiap permohonan adalah RM20.00.
- 9.2 Penyelesaian awal setiap pembiayaan akan dikenakan bayaran sebanyak RM20.00.
- 9.3 Pembiayaan bertindih akan dikenakan caj sebanyak RM20.00.

- 9.4 Semakan kredit dilakukan untuk setiap pembiayaan bagi memastikan jaminan ke atas penerima biaya dan juga penjamin dikenakan caj sebanyak RM10.00.
- 9.5 Bayaran perkhidmatan seperti 9.1, 9.2, 9.3, 9.4 dan lain-lain bayaran yang dikenakan kepada Anggota yang memohon pembiayaan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa dengan kelulusan ALK.

10.0 KUASA MELULUS

Tidak kurang dari 3 (tiga) ALK dari JPPA diberi kuasa untuk melulus atau menolak permohonan pembiayaan dan perlu dikemukakan/dibentangkan pada mesyuarat JPPA bulan berkenaan.

11.0 JAMINAN

Jaminan kepada pembiayaan ini dikuatkuasakan kepada Anggota yang tidak layak untuk menggunakan baki yuran sebagai cagaran kepada pembiayaan ini.

- 11.1 Tiap-tiap pembiayaan hendaklah dijamin oleh sekurang-kurangnya 2 (dua) orang Anggota yang layak.
- 11.2 Dua orang penjamin yang masih bekerja selama tempoh jaminan bagi Anggota yang tidak lagi bekerja dengan Agrobank/KoBPM.
- 11.3 Menjadi kewajipan bagi pemohon untuk menggantikan penjamin yang tidak layak lagi untuk menyempurnakan syarat-syarat jaminannya dalam tempoh 30 hari.
- 11.4 Penjamin adalah bertanggungjawab menyelesaikan segala pembiayaan yang dijaminnya jikalau penerima biaya gagal memenuhi syarat-syarat pembiayaan.
- 11.5 Jika yuran dan saham (kecuali saham wajib) tidak mencukupi untuk menampung jumlah pembiayaan Anggota, jaminan peribadi dan caruman Tabung Perlindungan Kredit (TPK) dibenarkan sebagai jaminan pembiayaan.

12.0 TAHUN KEWANGAN

Tahun Kewangan Pembiayaan Peribadi Biasa ini hendaklah bermula pada 1 Mei dan berakhir pada 30 April tiap-tiap tahun.

13.0 REKOD

Rekod dan borang permohonan serta keputusan JPPA/ALK hendaklah dikemaskinikan dan disimpan oleh Setiausaha KoBPM.

14.0 AUDIT

Akaun Pembiayaan Peribadi Biasa hendaklah diaudit bersekali dengan akaun KoBPM setahun sekali.

15.0 PERUBAHAN POLISI

Polisi ini adalah tertakhluk pada perubahan dari semasa ke semasa setelah diluluskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan.

16.0 MAKLUMAN KEPADA MESYUARAT AGUNG

ALK hendaklah membentangkan di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan laporan mengenai aktiviti Pembiayaan Peribadi Biasa ini serta membuat cadangan bagi menambah baik dan memajukan aktivitinya.

17.0 PERTIKAIAN

Jika berbangkit sebarang perselisihan faham di atas tafsiran peraturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia mengikut Undang-undang Kecil 87 (1).

18.0 Peraturan ini telah diterima dan dipersetujui di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan kali ke 25 pada 30 Oktober 2021.



Pengerusi



Anggota Lembaga



Anggota Lembaga